

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pada masa sekarang tempat penduduk ramai kaum India di taman sekitar tidak mempunyai sekolah SJKT. Mereka memerlukan sebuah sekolah di sekitar kawasan tersebut. Di masa yang sama Kementerian Pendidikan perlu membuat kajian dan rancangan masa depan untuk mengalih sekolah SJK(T) kurang murid ke tempat yang dipohon oleh penduduk setempat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan yang selesa kepada semua murid di seluruh negara. Sehingga November 2020, terdapat 162 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berstatus sekolah kerajaan dan 365 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berstatus sekolah bantuan kerajaan.

Berdasarkan rekod KPM, sejak tahun 2011 sehingga 2020, terdapat 23 permohonan pindah lokasi melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Antara faktor utama permohonan pindah lokasi adalah disebabkan perkara seperti berikut:

- a) tapak sekolah asal diambil semula oleh pemilik;

- b) penurunan kadar enrolmen; dan
- c) keadaan tapak di lokasi asal yang tidak selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesebuah sekolah bantuan kerajaan yang berpindah lokasi perlu mendapatkan persetujuan bertulis 100% ibu bapa/penjaga. Pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) juga perlu membiayai sepenuhnya kos pemilikan tapak di lokasi baharu dan pembinaan bangunan sekolah di tapak baharu tersebut.

Berkaitan dengan sekolah kurang murid (SKM) pula, KPM telah merangka beberapa strategi bagi menangani SKM di bawah inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM. Satu Jawatankuasa *Task Force* Pelan Hala Tuju SKM telah dibentuk bagi memastikan semua perkara yang berkaitan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Di bawah Pelan Hala Tuju SKM ini, KPM sedang meneliti mana-mana SKM yang berpotensi untuk digabungkan. Strategi penggabungan adalah melibatkan penggabungan SKM dengan sekolah lain yang berhampiran. Penggabungan sekolah berkenaan boleh dilaksanakan antara SKM atau SKM dan bukan SKM. Penggabungan SKM boleh dilaksanakan jika sekolah berada dalam lingkungan 5 kilometer dan dalam kalangan jenis sekolah yang sama. Manakala, bagi SKM yang tidak boleh digabung atau dipindahkan seperti di kawasan pedalaman dan pulau, sekolah berkenaan akan dikekalkan demi memastikan kelangsungan pendidikan kepada murid di kawasan berkenaan.

Sekian, terima kasih.